

# Ahli Kesatuan UPM gembira kunjungi UMS

UB 10.5.2014 B3

**KOTA KINABALU:** Seramai 18 orang rombongan dari Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (Kepertama) bersama ahli koperasi UPM telah melawat Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

Rombongan yang diketuai oleh Presiden Kepertama yang juga Pengerusi Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti (Gakum), IPTA Malaysia, Haji Zailani Abd. Razak itu adalah untuk mengeratkan ikatan silaturahim di antara Kesatuan UPM dengan UMS yang sedia terjalin dengan kukuhnya.

Rombongan itu turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Haji Mohd. Said.

Dalam ucapan alu-aluannya, Abdullah mengucapkan selamat datang ke UMS kepada ahli rombongan kerana sudi datang melawat UMS sebagai tumpuan utama lawatan.

Katanya, kunjungan hormat seperti lawatan berkenaan adalah satu



**AMAT** Jutrah (dua dari kanan) menerima cenderamata daripada Zailani sambil diperhatikan oleh Arfandy (dua kiri) dan Puan Norhayati Mansor, Pengurus Koperasi UPM serta Suhaifi Sulaiman Setiausaha Koperasi UPM (kanan).

penghormatan besar kepada UMS lebih-lebih lagi bersama Presiden Kesatuan yang amat berpengalaman yang disatukan dengan Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas), Amat Jutrah Haji Musnih.

Beliau memaklumkan kepada semua rombongan bahawa Kekaumas sentiasa bersama-sama dengan pihak Pengurusan Universiti dalam apa juga permasalahan yang dihadapi oleh ahli

Kesatuan.

Setakat ini katanya, Kekaumas memainkan peranan utama dan yang terbaik dalam menangani semua isu daripada staf sokongan di Universiti Malaysia Sabah.

Dalam ucapan balasnya Zailani juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan Datuk Abdullah kerana memberikan

kerjasama yang terbaik dalam penyediaan lawatan Kepertama dan rombongan staf Kopersai UPM ke UMS dan Kota Kinabalu.

Di antara tempat yang dilawati termasuk Koperasi Taman-Taman Sabah di Kinabalu Park, Ladang Teh Ranau sebelum meninjau tamu Pekan Kota Belud dan menamatkan lawatan ke rumah terbalik di Tuaran.

Rombongan dari UPM itu diiringi oleh Presiden Kekaumas dan Ahli Jawatankuasa Kekaumas, Zainah Haji Ahmad.

Zailani selaku Presiden Kepertamadan Timbalannya, Arfandy Said sangat terharu dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Presiden Kekaumas dan semua Ahli Jawatankuasa Kesatuan termasuk pihak pengurusan UMS serta pegawai-pegawai dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS kerana telah memberikan layanan yang baik sehingga lawatan tersebut berjalan lancar dan teratur.



**ZAILANI** (kanan) dan Amat Jutrah (dua kanan) bersama ahli rombongan UPM merakamkan gambar kegembiraan di Jeti Institut Marin Borneo UMS.